



PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 9/1974

Mendapat Kembali Tunggakan Cukai Tanah

Pekeliling ini dikeluarkan bagi menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah berkenaan cara mendapatkan tunggakan cukai tanah (cukai tahunan).

2. Seksyen 93 Kanun Tanah Negara membekalkan bahawa cukai tahunan yang dikenakan bagi tiap-tiap tanah milik adalah menjadi hutang tuan tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri dan hutang ini dapat dituntut dengan mengambil tindakan di bawah seksyen 16. Yang demikian Pemungut adalah bertanggungjawab menentukan iaitu cukai yang terhutang itu dikutip di dalam tahun yang sama selepas cukai tersebut menjadi tunggakan, sungguhpun tindakan belum diambil menurut seksyen 97 untuk merampas tanah tersebut.

3. Di bawah seksyen 16 Kanun Tanah Negara, Pesuruhjaya Tanah Negeri adalah berkuasa, bagi Pihak Berkuasa Negeri, untuk mengambil tindakan atau dakwaan di dalam Mahkamah berhubung dengan mendapatkan mana-mana hasil tanah termasuk cukai tahunan yang terhutang bagi tanah milik. Seksyen 16(3) menguntukkan bahawa dalam hal ini Pesuruhjaya Tanah Negeri boleh diwakili oleh mana-mana peguambela dan peguamcara, mana-mana peguam Persekutuan, Penasihat Undang-undang Negeri, mana-mana Pemungut ataupun mana-mana pegawai yang dilantik di bawah Seksyen 12(1).

4. Sebenarnya ada banyak kes-kes di mana tunggakan cukai tahunan tidak dibayar dan tindakan merampas belum lagi diambil. Adalah tidak diingini jika tindakan untuk mendapatkan tunggakan cukai-cukai tersebut ditangguhkan ataupun dilupakan kerana jumlah tunggakan cukai tanah itu akan bertambah dari setahun ke setahun. Yang demikian, tindakan serta-merta adalah penting di dalam usaha mendapatkan tunggakan cukai tanah daripada tuannya dan masa yang wajar untuk membuatnya ialah selepas 1hb. Jun tiap-tiap tahun.

5. Penerangan mengenai seksyen 93 yang telah disediakan oleh Pesuruhjaya Undang-undang Tanah dahulu berbunyi seperti berikut:

“ It is true that section 93 provide that rent is a debt due to the State Authority and may be recovered by a civil action as provided by section 16 but for practical purposes this provision may be discounted. Section 93 is included merely as a statement of the precise legal position in case this should ever become a point at issue.”

6. Pemungut-pemungut adalah dinasihat bahawa tindakan boleh diambil untuk mendapatkan tunggakan cukai tanah secepat yang mungkin iaitu selepas 1hb. Jun tiap-tiap tahun dengan mengambil tindakan menurut seksyen 16 Kanun Tanah Negara. Tindakan tersebut perlulah dihadkan kepada kes-kes dimana jumlah tunggakannya banyak, dan juga didapati tidak berfaedah diambil tindakan merampas tanah itu.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 252/6-4
Kuala Lumpur,
Mei, 1974.